

Kenangan indah berbuka puasa dengan keluarga

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

Kuala Lumpur

Kenangan berbuka puasa dengan keluarga tercinta di kampung halaman menggantikan perasaan ramai mahasiswa yang merindui detik nostalgia itu, namun terpaksa dipendam demi menunaikan komitmen pengajian di perantauan.

Bagi mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Sains dan Teknologi Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Nor Izzati Zainuddin, pengalaman berbuka puasa di kolej kediaman sudah pasti jauh berbeza dengan saat manis menyambut Ramadan bersama insan tersayang.

"Setiap kali tiba Ramadan, saya rindukan

suasana berbuka puasa bersama emak, ayah dan adik-beradik yang lain.

"Ada banyak perbezaan antara berpuasa di universiti dengan di rumah bersama keluarga. Kenikmatan berbuka dengan keluarga lebih dirasai, terutama dari segi masakan dan juadah disediakan."

Air tangan ibu

"Antara menu dirindui ialah ayam masak merah dan asam pedas ikan patin hasil air tangan emak yang merupakan kegemaran saya hingga kini," katanya sambil mengimbau keseronokan berjalan beramai-ramai dengan adik-beradik dan rakan sebaya untuk menunaikan solat tarawih di masjid kampung.

Mahasiswa semester empat yang berasal dari Gua Musang, Kelantan

itu juga gemar membantu emak menyediakan juadah berbuka setiap kali menjalani ibadah puasa di kampung halaman.

"Apabila ada peluang berpuasa di kampung halaman, saya menggunakan kesempatan itu untuk mengerjakan solat tarawih bersama keluarga di masjid sambil bertukar khabar dengan rakan yang sudah lama tidak bersua," katanya.

Sementara itu mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Psikologi dengan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Nurul Waidza Badrulhisham, berkata Ramadan adalah satu-satunya bulan yang paling dirindui.

Telefon setiap hari


Katanya, beliau bukan saja berpeluang melipatgandakan pahala

ibadah tetapi juga dapat menikmati pelbagai lauk-pauk dan kuih-muih yang disediakan oleh ibu.

"Namun setiap kali Ramadan, kami terpaksa berjauhan ekoran keluarga kini menetap di Sabah atas tuntutan kerja, manakala saya pula nun jauh di selatan tanah air kerana memenuhi tanggungjawab sebagai mahasiswa."

"Saya merindui kenangan berkumpul dan berbuka bersama keluarga, terutama ayam masak merah masakan ibu. Setiap kali berpeluang berpuasa dengan keluarga, saya akan membantu ibu menyediakan juadah berbuka."

"Kini, telefon menjadi penghubung antara kami kerana setiap hari sebelum berbuka puasa, saya akan menelefon keluarga untuk berkongsi cerita," katanya.



Nor Izzati Zainuddin



Nurul Waidza Badrulhisham



[FOTO HIASAN / BH]

Bazar Ramadan sering menjadi tumpuan ramai untuk membeli juadah berbuka puasa.